

UMNO tidak sekat Dr. M jadi perwakilan

BANGI 7 Sept. - UMNO tidak menghalang bekas Presidennya, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung parti itu November ini.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tiada sebarang usaha menyekat Dr. Mahathir menjadi perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu.

"Kami (UMNO) tidak ada cubaan untuk menyekat beliau. Beliau bebas untuk menjadi anggota perwakilan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Pasukan Askar Wataniah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri ditanya penderiaan UMNO berhubung tindakan Dr. Maha-

thir untuk menjadi perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu ke Perhimpunan Agung parti itu dari 13 hingga 17 November ini.

Bekas Perdana Menteri itu adalah antara 17 calon yang layak bertanding merebut tujuh kerusi perwakilan pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu, Sabtu ini.

Dr. Mahathir berada pada kedudukan

ke-16 dengan mendapat 15 pencalonan daripada 138 cawangan.

Persidangan yang akan dirasmikan oleh Pengerusi Perhubungan UMNO Kedah yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid itu akan diadakan di Dewan Wawasan Jitra pada pukul 9 pagi.

Dalam pada itu, Setiausaha UMNO baha-

gian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad ketika dihubungi berkata, pengundian bagi memilih tujuh orang itu akan diadakan secara sulit oleh 493 perwakilan.

"Mengikut peraturan, calon tidak boleh menarik diri pada saat-saat akhir namun ia bergantung kepada budi bicara pengerusi tetap bahagian," katanya.